

PERKHIDMATAN AUDIO VISUAL / BERNAMA TV

AUDIO VISUAL SERVICE / BERNAMA TV

BERNAMA TV (BTV) yang bersiaran menerusi Saluran 502 ASTRO memperkenalkan beberapa program baru pada tahun dalam kajian. Program-program baru ini yang diperkenalkan pada bulan November termasuklah program FYI (Fikir, Yakin & Inspirasi) yang menjadikan generasi muda sebagai audiens sasarannya, bagi menggantikan program 1-Konsumer. Satu lagi program baru ialah 'Breakfast Club' – program bual-bicara awal pagi.

Program BizTalk pula diberi nama baru SWOT Watch walaupun fokusnya masih mengenai syarikat-syarikat.

Program popular bual-bicara Helo Malaysia yang sebelum ini ke udara dari Isnin hingga Jumaat dipindahkan ke slot jam 1.00 tengah hari pada hari Sabtu dan Ahad dan disiarkan secara rakaman.

Pada bulan November juga BTV memasang set dan backdrop baru di studio berita menggantikan set lama yang telah digunakan sejak BTV memulakan siarannya sebagai rangkaian berita dan maklumat di Siaran 502 ASTRO pada 28 Februari 2008.

Pada bulan Julai BTV mula menyiarkan program 30-minit yang diperolehi daripada saluran satelit Jerman, DW-TV, pada slot 9.00-malam mulai Isnin hingga Jumaat. Program-program ini yang sebahagian besarnya ialah mengenai gaya hidup diulang tayang pada slot 4.30 petang.

Pada bulan Ogos BTV menyiarkan beberapa episod dua program baru dikenali sebagai '7 Days' dan 'Last Word.'

BTV mula menerbitkan buletin harian 30-minit 'Fokus Hari Ini' untuk IPTV TM Net pada bulan April.

Pada awal April BTV menerbit dan menyiarkan dua program khas sempena satu tahun Datuk Sri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Salah satu program tersebut ialah dokumentari mengenai Perdana Menteri manakala satu lagi ialah Wawancara Eksklusif.

BTV yang bersiaran sebagai "Saluran Berita dan Maklumat" memasuki tahun ketiga operasinya pada 28 Februari.

BERNAMA TV (BTV) that goes on air over the 502 ASTRO Channel introduced several new programmes in the year under review. The new programmes that were introduced in the month of November include FYI (Fikir, Yakin & Inspirasi) which set the younger generation as its targeted audience to replace the 1-Konsumer programme. Another new programme was Breakfast Club – an early morning talk show programme.

The BizTalk programme was renamed as SWOT Watch although its focus was still regarding companies.

The popular talk show Helo Malaysia which was previously telecast from Monday to Friday was moved to the 1.00 afternoon slot on Saturdays and Sundays and was aired pre-recorded.

Also in the month of November BTV installed a new set and backdrop in the news studio, replacing the old set which has been used since BTV started transmission as a news and information network on ASTRO's Channel 502 on 28 February 2008.

In the month of July BTV started airing a 30-minute programme that it obtained from German satellite channel, DW-TV, on its 9.00-pm slot from Monday to Friday. These programmes which are mostly on lifestyle were repeated on the 4.30-pm slot.

In the month of August BTV aired several episodes of two new programmes known as '7 Days' and 'Last Word'.

BTV started production of a 30-minute daily buletin Fokus Hari Ini' for TM Net's IPTV in the month of April.

In early April BTV produced and aired two special programmes in conjunction with the first anniversary of Datuk Sri Najib Tun Razak as Prime Minister. One of the programmes was a documentary on the Prime Minister while the other one was an exclusive interview.

BTV which is aired as a "News and Information Channel" entered its third year of operations on 28 February.

Pada bulan Januari BTV mula menggunakan pengenalan stesen dan muzik yang baru serta montaj-montaj baru untuk semua program beritanya.

Perkhidmatan Audio Visual beroperasi semula pada bulan November bagi mengendalikan pakej harian untuk RTM dan untuk membekalkan klip-klip berita untuk Bernama.com.

Sebulan selepas beroperasi PAV mengambil alih daripada BTV penerbitan segmen 5-minit mengenai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk dimuatkan dalam program SWOT Watch yang disiarkan oleh BTV.

In the month of January BTV began to introduce a new station and music identity as well as new montages for all its news programmes.

Audio Visual Service resumed operations in the month of November to handle the daily news package for RTM and the feeding of news clips for Bernama.com.

A month after its operation AVS took over from BTV the production of a 5-minute segment featuring the Selangor State Development Corporation (PKNS) to be incorporated in the SWOT Watch programme that is aired by BTV.